

## **Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 7.0 Untuk PKS**

### **1. Mengenai BKSS 7.0**

Bantuan Khas Sarawakku Sayang 7.0 adalah untuk memperkasa aktiviti perusahaan dan perniagaan.

**Langkah 1: Bantuan Khas Kewangan *One-Off* Sarawakku Sayang berjumlah RM10,000 untuk perniagaan aktif di Sarawak yang berdaftar dengan PERKESO.**

Bantuan Khas Kewangan *One-Off* berjumlah RM10,000 akan diberikan kepada Syarikat-Syarikat Perusahaan aktif yang berdaftar dengan PERKESO setakat 31 Disember 2020.

Bantuan kewangan khas ini akan dibayar dalam dua peringkat, RM5,000 pada bulan Oktober 2021 dan baki RM5,000 akan dibayar pada bulan Disember 2021.

### **2. Apa yang anda perlukan?**

1. Maklumat pemilikan syarikat, termasuk nama pemilik, kad pengenalan pemilik, peratusan pemilikan syer, tahun penubuhan, alamat syarikat, jenis perniagaan, pegawai yang dihubungi, nombor telefon dan alamat emel;
2. Ringkasan penyata PERKESO yang menunjukkan jumlah pekerja yang menyumbang kepada SOCSO bagi bulan Mei hingga Julai 2021;
3. Salinan sijil pendaftaran syarikat dari SSM atau ekstrak daripada pendaftar perniagaan dan sijil-sijil lain yang dikeluarkan oleh badan-badan profesional yang disahkan;
4. Salinan Borang 9, Borang 24, Borang 49 atau dokumen sokongan yang berkaitan yang disahkan;
5. Salinan penyata akaun bank dan nombor akaun bank untuk tujuan penyaluran bantuan termasuk nama bank, nombor akaun bank, alamat bank dan nombor pendaftaran syarikat.

### **Nota:**

Semua dokumen mestilah:-

- disahkan oleh setiausaha syarikat atau pemilik perniagaan; dan
- dicop dengan cop syarikat.

### **3. Bagaimana mendapatkan perkhidmatan ini?**

Mengemukakan Borang Perakuan dalam seksyen Perniagaan dan Perdagangan secara di dalam talian di Portal Rasmi Kerajaan Sarawak ([www.sarawak.gov.my](http://www.sarawak.gov.my))

### **4. Pihak yang layak?**

Syarikat-syarikat di bawah kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang beroperasi secara aktif dalam aktiviti perindustrian atau perniagaan dan berdaftar dengan PERKESO sebelum atau pada 31 Disember 2020.

Kerajaan Sarawak telah memaklumkan kepada syarikat-syarikat PKS yang layak menerima secara one-off RM10,000 di bawah BKSS 7.0 melalui pos dan emel yang telah didaftarkan dengan PERKESO.

### **5. Perkara-perkara yang harus diingati**

Menyediakan semua dokumen yang diperlukan di bawah Seksyen 3.1 dan muatnaik dokumen dalam bentuk PDF untuk dikemukakan secara digital. Semua dokumen mestilah disahkan oleh setiausaha syarikat atau pemilik perniagaan dan dicop dengan cop syarikat.

### **6. Cara-cara pembayaran**

Bantuan khas kewangan secara one-off akan disalurkan secara terus ke akaun bank syarikat yang dinyatakan di dalam Borang Perakuan.

### **7. Perlukan bantuan?**

Untuk sebarang pertanyaan dan bantuan, anda boleh menghubungi kami melalui Talikhidmat seperti di bawah:

1. Secara atas talian: <https://talikhidmat.sarawak.gov.my/>
2. Telephone: +6082-555999
3. Emel: [555999@sarawak.gov.my](mailto:555999@sarawak.gov.my)